



SKOP DAN SPESIFIKASI PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI USM
KERJA-KERJA MENGANGKUT DAN MELUPUS SAMPAH DARI KAMPUS
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1. Sistem kerja-kerja mengangkut dan melupus sampah di dalam Kampus Universiti Sains Malaysia (USM) terbahagi kepada empat (4) kategori, iaitu :

1.1. Sampah Sarap Bangunan

Sampah sarap bangunan terdiri daripada bahan-bahan buangan seperti kertas, kotak yang telah dibersihkan, tisu dan lain-lain sampah pejabat, pusat pengajian, jabatan, unit, desasiswa serta sampah selepas program majlis rasmi dan tidak rasmi universiti serta lain-lain di seluruh kampus.

1.2. Sampah Sarap Halaman

Sampah sarap halaman terdiri daripada rumput, daun, ranting kayu, pasir, batu, dahan-dahan dan lain-lain yang terkumpul di sepanjang jalan dalam kampus termasuk sampah di dalam tong-tong sampah (*litter bin*) di lokasi tertentu di seluruh kampus.

1.3. Sampah Bermusim

Sampah bermusim terdiri daripada sampah selepas program gotong-royong, sampah daripada majlis konvokesyen universiti, sampah dari kerja-kerja pemangkasan pokok dan lain-lain.

1.4. Sampah Perlupusan

Sampah pelupusan terdiri daripada sampah yang telah dilupuskan oleh Jawatankuasa Perlupusan Aset dan Barang peringkat universiti, dan sampah pelupusan ini terdapat di pusat pengajian, desasiswa dan PTJ di kampus USM serta di Taman Rekreasi Universiti.

2. Masa untuk kerja-kerja mengangkut dan melupus sampah telah ditetapkan seperti berikut melainkan pihak syarikat dilantik menerima arahan sebaliknya daripada pegawai yang dipertanggungjawabkan.

Bil	Jenis Lori	Masa	Pekerja
1	Lori Kompaktor	10.00 pagi dan sehingga selesai pungutan	1 Orang Pemandu 3 Orang Pembantu
2	Lori Terbuka (<i>Open Truk</i>)	12.00 tengahari dan sehingga selesai pungutan	1 Orang Pemandu 4 Orang Pembantu
3	Lori Terbuka Atau Lori Kompaktor Tambahan (Sekiranya Perlu)	Masa memasuki kampus akan ditentukan oleh Pegawai yang dipertanggungjawabkan	

3. Syarikat yang dilantik hendaklah memastikan pengangkutan dan pelupusan sampah dilakukan di setiap *point* pungutan (*collection point*) yang ditetapkan dan setiap kerja hendaklah dihabiskan dengan sempurna dan kemas tanpa meninggalkan sebarang sisa dan bekas.

4. Syarikat yang dilantik atau wakil (penyelia) hendaklah setiap masa mengawasi kerja-kerja kutipan yang dijalankan di samping pegawai yang diberi kuasa.
5. Pihak syarikat yang dilantik atau wakil diminta merekodkan ke dalam 'Buku Kehadiran Masuk dan Keluar' setiap kali memulakan tugas.
6. Syarikat yang dilantik diminta bersedia untuk menerima sebarang arahan bagi mengangkut dan membuang semua sisa atau bahan buangan ke luar daripada kampus USM pada bila-bila masa yang diperlukan.
7. Syarikat yang dilantik diminta bekerjasama supaya tidak menghalang perjalanan lalu lintas kenderaan awam lain semasa melaksanakan kerja serta mematuhi undang-undang jalan raya sedia ada.
8. Syarikat yang dilantik bertanggungjawab terhadap semua kebersihan tapak atau buangan seperti yang telah ditetapkan dan hendaklah mengangkut semua jenis sisa pepejal seperti sampah buangan daripada penghuni bangunan, sampah halaman, sisa binaan, daun kering, ranting pokok, pasir, tanah, batu dan barang-barang perlupusan yang terdapat di dalam bangunan serta lain-lain sisa pepejal seperti yang telah diarahkan.
9. Penyelia syarikat yang dilantik hendaklah memantau pengangkutan sampah dan merekodkan kehadirannya kepada pegawai di Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Aset (JPPA) yang dilantik bagi mengurus pengangkutan dan pelupusan sisa pepejal ini.
10. Syarikat yang dilantik hendaklah memastikan pekerja dan lori didaftarkan di pintu masuk utama USM yang diuruskan oleh Jabatan Keselamatan, Universiti Sains Malaysia sebelum memasuki kampus dan ketika hendak keluar dari kampus apabila kerja-kerja telah diselesaikan.
11. Syarikat yang dilantik diminta menentukan supaya kenderaan yang digunakan untuk memungut sampah sarap di dalam kampus sentiasa bersih dan kosong sebelum memasuki Kampus.
12. Syarikat yang dilantik diminta menyediakan lori yang secukupnya untuk mengelakkan sebarang kelewatan atau masalah kutipan sampah jika berlaku sebarang kerosakan pada kenderaan yang dihantar untuk memungut sampah serta menyediakan tong sampah berbentuk kontena apabila diminta berbuat demikian.
13. Bagi lori jenis terbuka (*Open Truck*), kontraktor perlu memastikan lori tersebut mempunyai penutup kanvas untuk mengelakkan sampah sarap yang penuh dari berterbangan keluar ketika lori sedang bergerak.
14. Kontraktor mestilah mematuhi dan mengikut sepenuhnya jadual dan skop kerja yang telah ditetapkan. Kegagalan mematuhi perincian yang ditetapkan, pihak Universiti Sains Malaysia berhak memotong kadar harga yang ditawarkan sebagaimana yang dinyatakan di dalam kontrak.

Disediakan oleh :

PENGARAH

JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ASET (JPPA)

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Tarikh : 14 Oktober 2020